

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah justifikasi Lembaga Zakat mengurangkan agihan zakat kepada program pembangunan ekonomi yang memberi modal perniagaan kepada asnaf.

**JAWAPAN: YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan ditetapkan bahawa hal-ehwal agama Islam termasuklah urusan zakat terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Mekanisme agihan zakat di setiap negeri dikendalikan sepenuhnya oleh pihak berkuasa agama masing-masing dan di luar bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Bagi melaksanakan urusan kutipan atau agihan zakat secara lebih profesional, terdapat beberapa negeri yang telah mengorporatkan pengurusan zakat melalui penubuhan agensi khusus bagi melaksanakan urusan kutipan atau agihan zakat, iaitu:

- i. Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP);
- ii. Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ);
- iii. Zakat Pulau Pinang (ZPP);
- iv. Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS);
- v. Pusat Zakat Melaka (PZM); dan
- vi. Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Justeru, jika lembaga zakat yang dimaksudkan adalah lembaga Zakat Selangor (LZS), maka ia hendaklah dirujuk terus kepada pihak berkuasa agama negeri berkenaan.

Bagi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang terletak dibawah bidang kuasa Keajaan Persekutuan, ia sentiasa berusaha membantu dalam meningkatkan tahap ekonomi asnaf dengan melalui 28 skim bantuan zakat yang ditawarkan oleh Baitulmal MAIWP. Terdapat 4 skim dari skim bantuan tersebut khusus untuk meningkatkan tahap ekonomi asnaf iaitu Bantuan Perniagaan, Bantuan Pertanian, Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi dan Bantuan Deposit Van/ Bas Sekolah. Bantuan yang diberikan adalah berbentuk modal dan peralatan.

MAIWP setakat ini tidak pernah mengurangkan agihan zakat dalam program pembangunan ekonomi. Malahan MAIWP sentiasa menambahbaik skim-skim bantuan zakat . Jumlah bantuan Skim Bantuan Perniagaan dari masa ke semasa sentiasa dinaikkan sehingga RM35,000 diberikan kepada asnaf yang menunjukkan potensi dan daya saing dalam mengembangkan perniagaan. Namun begitu pemberian bantuan ini diberikan secara berperingkat dan MAIWP sentiasa membuat pemantauan bagi memastikan bantuan yang diterima diuruskan dengan baik oleh usahawan asnaf. Selain itu juga, MAIWP turut menganjurkan kursus-kursus kemahiran seperti kursus masakan dan jahitan selain kursus motivasi dan kursus asas dalam bidang perniagaan kepada usahawan asnaf yang terpilih.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING] [DAP]**

TARIKH : 2 NOV 2015, ISNIN

SOALAN : 32

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejak 10 tahun lalu, berapakah ramai pelajar yang telah dibiayai oleh MARA untuk belajar di luar negara mengikut negara destinasi mereka dan berapa daripadanya adalah pelajar dari Sarawak dan apakah pecahan kaum mereka itu.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 2006 sehingga September 2015, MARA telah menaja seramai 20,954 orang pelajar mengikuti pengajian di luar negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 535 orang adalah pelajar anak negeri Sarawak.

Penajaan pelajar ke luar negara adalah di bawah program Skim Pelajar Cemerlang sahaja merangkumi pelbagai bidang bagi memenuhi keperluan pasaran semasa yang memerlukan modal insan yang profesional dan *global oriented*.